

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
[ PETALING JAYA ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 [ RABU ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam skim perumahan membina satu juta unit rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun, berapa ramai anak muda telah memanfaatkan daripada skim ini, mengikut pecahan umur, kaum, pendapatan dan negeri daripada tahun 2018-2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran 1 juta Rumah Mampu Milik (RMM) merupakan Manifesto Kerajaan terdahulu. Pada masa ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memfokuskan penyediaan RMM yang berkualiti dan berdaya huni. Mulai Julai 2018 hingga 30 Jun 2020, sebanyak **546,755** unit rumah mampu milik sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Jumlah ini merangkumi 327,922 unit rumah dalam perancangan, 163,337 unit rumah dalam pembinaan dan 55,496 unit rumah telah disiapkan oleh 3 agensi penyedia perumahan yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pemaju swasta.

2. Program perumahan yang diselaraskan di bawah KPKT adalah seperti berikut:

- i) Program Perumahan Rakyat (PPR) & Rumah Transit;
- ii) Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM);
- iii) Perumahan PR1MA; dan
- iv) Program Perumahan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

3. Untuk makluman Yang Berhormat, mulai tahun 2002 sebanyak **83,699** unit rumah PPR telah diisi di seluruh negara yang telah memberi manfaat kepada isi rumah dari golongan B40 berpendapatan RM3,000 sebulan ke bawah termasuk golongan muda. Buat masa ini KPKT tiada maklumat lengkap pengisian PPR mengikut umur dan kaum, memandangkan majoriti pengisian PPR dilaksanakan oleh pihak kerajaan Negeri masing-masing. Perincian pengisian PPR mengikut negeri adalah seperti berikut:

**MAKLUMAT PENGISIAN PPR MENGIKUT NEGERI (SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2020)**

BIL	NEGERI	BIL. UNIT DIBINA	JUMLAH UNIT DIISI	BIL. UNIT KOSONG / BELUM DIISI
1	Johor	9,745	8,630	1,115
2	Kedah	3,910	1,908	2,002
3	Kelantan	2,568	1,385	1,183
4	Melaka	1,436	1,389	47
5	Negeri Sembilan	670	561	109
6	Pahang	3,668	3,520	148
7	Perak	1,014	937	77
8	Perlis	1,428	1,331	97
9	Pulau Pinang	999	833	166
10	Sabah	21,699	19,530	2,169
11	Sarawak	4140	3,978	162
12	Selangor	5184	4,750	434
13	Terengganu	1,002	967	35
14	W.P. Kuala Lumpur	34,862	33,980	882
	<b>JUMLAH</b>	<b>92,325</b>	<b>83,699</b>	<b>8,626</b>

4. Manakala bagi **Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM)**, jumlah tawaran dari 2018 sehingga 2020 kepada anak muda (maksimum umur 40 tahun) ialah **8,207** dengan pecahan umur, kaum, pendapatan dan negeri seperti berikut:

(a) Pecahan Mengikut Julat Umur

Julat Umur	Bil. Unit PPAM
25 dan ke bawah	829
26-30	3,381
31-35	2,726
36-40	1,271
<b>JUMLAH</b>	<b>8,207</b>

## (b) Pecahan Mengikut Pecahan Kaum

Kaum	Bil. Unit PPAM
Melayu	6,144
Cina	962
India	295
Lain-lain	806
<b>JUMLAH</b>	<b>8,207</b>

## (c) Pecahan Mengikut Julat Pendapatan

Julat Pendapatan	Bil. Unit PPAM
2,000 dan ke bawah	1,253
2,001-4,000	4,894
4,001-6,000	1,713
6,001-8,000	286
8,001 dan ke atas	61
<b>JUMLAH</b>	<b>8,207</b>

## (d) Pecahan Mengikut Negeri

Negeri	Bil. Unit PPAM
Putrajaya	129
Johor	764
Kedah	1,025
Kelantan	202
K.Lumpur	1,329
Labuan	35
Melaka	184
N. Sembilan	241
Pahang	579
Perak	260
Perlis	96
P.Pinang	344
Sabah	769
Sarawak	506
Selangor	1,546
Terengganu	198
<b>JUMLAH</b>	<b>8,207</b>

5. Untuk makluman Yang Berhormat juga, melalui **Perumahan PR1MA**, sehingga Oktober 2020, sebanyak **10,391** unit rumah telah dijual kepada golongan anak muda di bawah skim perumahan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA). Berikut adalah pecahan bilangan anak muda yang telah menerima manfaat daripada skim perumahan ini mengikut pecahan umur, kaum, pendapatan dan negeri:

(a) Pecahan Mengikut Julat Umur

<b>Julat Umur (Tahun)</b>	<b>Bil. Unit PR1MA</b>
21-25	683
26-30	4,106
31-35	3,543
36-40	2,059
<b>JUMLAH</b>	<b>10,391</b>

(b) Pecahan Mengikut Kaum

<b>Kaum</b>	<b>Bil. Unit PR1MA</b>
Melayu	6,359
Cina	2,614
India	633
Bumiputera (Sabah & Sarawak)	758
Lain – lain	27
<b>JUMLAH</b>	<b>10,391</b>

(c) Pecahan Mengikut Julat Pendapatan

<b>Julat Pendapatan (RM)</b>	<b>Bil. Unit PR1MA</b>
2,500 – 3,500	2,864
3,501 – 4,500	5,319
4,501 – 5,500	1,889
5,501 – 6,500	228
>6,501	91
<b>JUMLAH</b>	<b>10,391</b>

## (d) Pecahan Mengikut Negeri

Negeri	Bil. Unit PR1MA
Johor	702
Kedah	2,261
Kelantan	147
Kuala Lumpur	762
Melaka	822
Negeri Sembilan	389
Pahang	440
Perak	1,391
Perlis	41
Pulau Pinang	271
Sabah	769
Sarawak	1,290
Selangor	1,106
<b>JUMLAH</b>	<b>10,391</b>

6. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan senarai **program perumahan SPNB**, sebanyak 5,771 unit rumah telah dimiliki dari tahun 2018 hingga kini. Daripada jumlah tersebut sebanyak **3,747** unit dimiliki oleh golongan belia di bawah 40 tahun. Pecahan mengikut umur, kaum, pendapatan dan negeri adalah seperti berikut:

## (a) Pecahan Mengikut Julat Umur

Julat Umur	Bil. Unit
18 – 20 tahun	0
21 – 30 tahun	915
31 – 40 tahun	2,832
<b>JUMLAH</b>	<b>3,747</b>

## (b) Pecahan Mengikut Kaum

<b>Kaum</b>	<b>Bil. Unit</b>
Melayu	3,629
Cina	53
India	13
Lain-Lain	52
<b>JUMLAH</b>	<b>3,747</b>

## (c) Pecahan Mengikut Julat Pendapatan

<b>Julat Pendapatan</b>	<b>Bil. Unit</b>
RM1,000 – RM2,000	115
RM2,001 – RM3,000	1,478
RM3,001 – RM4,000	2,135
RM4,001 – RM5,000	19
RM5,001 ke atas	0
<b>JUMLAH</b>	<b>3,747</b>

## (d) Pecahan Mengikut Negeri

<b>Negeri</b>	<b>Bil. Unit</b>
Selangor	180
Melaka	231
Perlis	126
Kedah	675
Pulau Pinang	18
Perak	182
Pahang	434
Negeri Sembilan	292
Johor	280
Terengganu	599
Kelantan	366
Sabah	335
Sarawak	29
<b>JUMLAH</b>	<b>3,747</b>

Sekian terima kasih.